

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL  
BIN HAJI ABD. MUTTALIB (MARAN)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan sejauh manakah kebenaran pihak Kerajaan memberi persetujuan kepada Israel untuk mewujudkan Pangkalan Tentera Rejim Zionis bertempat di Port Dickson seperti yang diviralkan di media sosial.

**JAWAPAN**

Kementerian Pertahanan ingin menegaskan viral yang disebarkan di media sosial berkenaan persetujuan kerajaan untuk mewujudkan pangkalan tentera Rejim Zionis di Port Dickson adalah tidak benar. Pihak kementerian tidak akan membenarkan sebarang kewujudan pangkalan tentera rejim berkenaan dimana-mana wilayah kedaulatan negara. Ini adalah selari dengan prinsip dasar luar negara Malaysia yang diamalkan terhadap rejim berkenaan.